

Khamis, Jan 18 2018

Bajet 2018 tingkat kuasa beli

➔ Peningkatan sokong pertumbuhan ekonomi negara secara berterusan: SERC

Oleh Suffian A Bakar
suffian@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Pelbagai peruntukan yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak pada pembentangan Bajet 2018, Oktober lalu dijangka membantu meningkatkan kuasa berbelanja

rakyat, khususnya golongan berpendapatan rendah.

Pengarah Eksekutif Pusat Penyelidikan Sosio Ekonomi (SERC), Lee Heng Guie, berkata ia termasuk pemberian tunai RM6.8 bilion kepada kumpulan rakyat tertentu, pembayaran khas kepada 2.3 juta kakitangan awam dan pesara berjumlah RM3 bilion, selain penjiatan cukai daripada pemotongan dua peratus kadar cukai pendapatan individu dianggarkan mencecah RM1.5 bilion.

Beliau berkata, peningkatan kuasa beli rakyat itu akan menyokong pertumbuhan ekonomi Malaysia secara berterusan, yang kekal disokong oleh permintaan domestik.

"Sungguhpun berhadapan kos sara hidup tinggi, peningkatan harga barang dan perkhidmatan serta hutang pengguna yang tinggi (84.6

peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar pada akhir September 2017), perbelanjaan pengguna sebaliknya melawan arus berikutan ia berkembang sekitar 7.0 peratus pada 2017.

"Ia berkemungkinan meningkat sebanyak 6.5 peratus pada 2018," katanya pada taklimat media prestasi sukan ekonomi dan tinjauan ekonomi negara 2018 di sini, semalam.

Ketika ini, isi rumah bagi kedua-dua kategori rakyat kumpulan 40 peratus berpendapatan menengah (M40) dan 20 peratus tertinggi (T20), mewakili 75 peratus jumlah perbelanjaan persendirian di negara ini.

SERC kekal unjur 5.1 peratus

SERC, pusat kajian bebas yang menjalankan kaji selidik pelbagai isu sosio ekonomi di Malaysia, mengekalkan unjuran optimis terha-

dap ekonomi negara tahun ini, dengan pertumbuhan 5.1 peratus.

Sementara itu, Heng Guie berkata, dengan pengukuhan pertumbuhan global dan petunjuk positif dalam industri semikonduktor, eksport negara diunjurkan berkembang 7.5 peratus pada 2018, masih baik bagi meraih kesinambungan kepada asas tinggi eksport dicatat pada 2017.

Dengan pertumbuhan dua angka 20.4 peratus pada 11 bulan pertama 2017, beliau berkata, eksport negara dijangka berkembang pada kadar 19.8 peratus bagi keseluruhan 2017, kadar terpanjang dalam lebih dua dekad sejak 1998.

"Eksport yang kukuh itu disumbang permintaan lebih tinggi bagi rangkaian produk meluas, pengukuhan harga komoditi dan kesan tukaran wang asing yang memihak kepada negara," katanya.



Peningkatan kuasa beli rakyat akan menyokong pertumbuhan ekonomi Malaysia secara berterusan, yang kekal disokong oleh permintaan domestik"

Lee Heng Guie,
Pengarah Eksekutif SERC